

UMS Sumbang 366 Buku Kepada MBS

Terakhir dikemaskini: Selasa, 22 Januari 2019 16:52 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 191

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


SELASA, 22 JANUARI -
Universiti Malaysia Sabah memberi sumbangan 366 naskhah buku pelbagai judul hasil tulisan dan penyelidikan pensyarah-pensyarah (UMS) kepada Majlis Belia Sabah (MBS), baru-baru ini.

Penyampaian sumbangan itu disempurnakan

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof. Dr. Shahril Yusof.

Katanya, inisiatif itu dijayakan menerusi Penerbit UMS sempena 'Kempen Jom Derma Buku' anjuran MBS.

"Dalam kempen ini, MBS menyasarkan sumbangan buku sebanyak 1,000 naskhah yang akan disimpan di Pusat Sumber, Arena Belia MBS.

"Sokongan UMS kepada kempen MBS ini sebagai salah satu usaha memupuk minat membaca terutamanya dalam kalangan belia," katanya pada majlis penyerahan buku tersebut.

Prof. Dr. Shahril turut menyarankan MBS untuk bekerjasama dengan UMS dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan yang lain pada masa akan datang terutamanya yang melibatkan belia.

"Sumbangan buku ini juga merupakan salah satu cara untuk menyebar luas penyelidikan dan penulisan pensyarah-pensyarah UMS yang telah dibukukan," tambahnya.

Hadir sama pada majlis itu ialah Pengarah Penerbit UMS, Prof. Madya Dr Asmiaty Amat; Timbalan Pengarah Penerbit UMS, Prof. Madya Dr. Patricia Matanjun; Pengerusi Tetap MBS, Mazlan @Joehari Manan; Ketua Penerangan MBS, Mohd Zikri Zainudin; dan Timbalan Setiausaha Kerja MBS, Mohd Taufik Ismail.